

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KAPAR]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah mekanisme yang digunakan dalam menentukan Prosedur Operasi Standard digunakan ketika Perintah Kawalan Pergerakan kerana beberapa kali menimbulkan kekeliruan dalam pematuhan oleh orang ramai.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Mekanisme yang sedang dilaksanakan dalam membendung penularan COVID-19 ialah dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di seluruh negara di mana semua sektor dan aktiviti yang dibenarkan untuk beroperasi perlu mematuhi SOP-SOP yang menekankan kepada amalan protokol kesihatan dan norma-norma baharu.

2. Sekiranya berlaku peningkatan kes COVID-19 di mana-mana kawasan, kerajaan akan mengetatkan kawalan di kawasan atau lokaliti tersebut dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) atau Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi membolehkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan tindakan pencegahan, pemulihan atau mitigasi di dalam kawasan tersebut.

3. Pelaksanaan fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) selepas berakhir fasa PKPB antara lain merupakan satu langkah untuk meneruskan kuatkuasa Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] yang memayungi SOP-SOP yang telah dikeluarkan. Dengan penerusan penggunaan Akta 342 ini, penguatkuasaan ke atas pematuhan SOP-SOP dapat dilaksanakan oleh agensi-agensi yang telah diberi kuasa untuk memastikan pematuhan ke atas SOP selain mendidik masyarakat untuk membudayakan normal baharu kehidupan.

Sekian, terima kasih.